

25 MAR 2001

Mahathir-Pertanian

DR MAHATHIR MAHU SEKTOR PERTANIAN NEGARA TERAP CARA KERJA BARU

TENOM, 25 Mac (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad meminta semua pihak yang terbabit dalam bidang pertanian negara supaya menerapkan cara kerja baru bagi membantu kerajaan memesatkan semula sektor itu.

Ketika merasmikan Taman Pertanian Sabah terletak 15 km dari sini pagi ini, Perdana Menteri berkata cara kerja baru itu yang lebih bersistem dan berdisiplin juga perlu merangkumi petani dan penternak yang menjalankan kegiatan secara kecil-kecilan.

Katanya seperti juga cara kerja yang diamalkan oleh sektor korporat di negara ini, bidang pertanian juga perlu diusahakan secara berdisiplin dan tertib serta mengikut jadual kerja yang tetap.

"Antara sebab utama kenapa daya pengeluaran rendah di kalangan petani kecil ialah kerana tiada tumpuan sepenuh masa diberikan terhadap kerja mereka...mereka bekerja bila ada masa lapang, kadang-kadang tidak bekerja dan tidak ambil berat mengenai ladang mereka.

"Oleh itu kita perlu lebih tertib dalam mengurus ladang-ladang kecil ini dan tentukan masa kerja yang secukupnya diberikan," katanya.

Dr Mahathir berkata jika itu dapat dilakukan, beliau yakin hasil dan pulangan yang diperolehi akan lebih tinggi.

Katanya tanah juga mesti diusahakan secara optimum dengan memperkenalkan kaedah pertanian bersepadu selain mengenal pasti potensi tanah untuk tanaman yang sesuai.

Kerajaan menerusi Jabatan Pertanian sedang mengenal pasti jenis tanaman yang sesuai untuk kawasan-kawasan tertentu.

Menurut Perdana Menteri apa yang berlaku sebelum ini ialah petani mengusahakan tanaman mengikut apa yang mereka nampak sesuai dan berjaya ditanam di tempat lain.

Usaha mempelbagaikan tanaman juga sedang dilakukan bagi memastikan tanah pertanian negara dapat digunakan sepenuhnya.

"Dulu apabila menceburi tanaman kelapa sawit, tidak sampai 20 tahun jumlah pengeluaran sawit negara telah meningkat daripada 2 juta tan setahun kepada 11 tan sekarang...apabila pengeluaran meningkat maka harganya turun," katanya.

Mengenai Taman Pertanian Sabah itu, Dr Mahathir berharap ia akan membantu meningkatkan kesedaran rakyat mengenai pentingnya cara kerja baru diterapkan bagi memastikan sektor pertanian sekali lagi menjadi pemangkin kepada pertumbuhan ekonomi negara.

Taman pertanian itu yang seluas 200 hektar terbahagi kepada dua kawasan iaitu kawasan pertama seluas 56 hektar mengandungi tasik rekreasi, pelbagai rekaan lanskap, muzium tanaman, taman haiwan dan pusat lebah.

Kawasan kedua seluas 144 hektar mempunyai plot pameran, petak pertanian percubaan serta projek perhutanan.

Melalui taman itu kerajaan negeri berharap untuk menyediakan ladang contoh bagi aktiviti pertanian dan penternakan dan perikanan serta menjadi pusat pendidikan dan latihan bagi teknologi pertanian serta sebagai himpunan khazanah pertanian melalui pengumpulan dan pemuliharaan sumber hutan.

Ia bagi menambah pengetahuan masyarakat mengenai hubungan antara pertanian dan pemuliharaan sumber asli, selain mewujudkan pembangunan pelancongan berasaskan pertanian.

-- BERNAMA

JS MAI

